# Siemens mahu lebih banyak peluang kerjasama dengan TNB

Oleh **MUHD. SHAHIZAM TAZALI**
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 23 Mei** - Siemens Malaysia (Siemens) mahu lebih banyak peluang untuk bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi projek-projek pembangunan infrastruktur pada masa depan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Siemens Malaysia, Indranil Lahiri berkata, baru-baru ini TNB memperuntukkan sejumlah RM18.8 bilion bagi pelaburan modal untuk tempoh tiga tahun sehingga 2020.

Kata beliau, pelaburan itu bertujuan memperkukuhkan operasi grid serta meningkatkan aspek pendigitalan dan automasi syarikat berkenaan.

"Malaysia akan menambah beberapa infrastruktur penjanaan kuasa dan kami mahu terlibat sama untuk membangunkannya.

"Daripada aspek pendigitalan pula hasrat TNB yang mahu membina masa depan dan teknologi selaras dengan matlamat kami dan bersedia untuk melaksanakannya. Kami harap dapat mengintai beberapa peluang perniagaan daripada projek ini," katanya kepada pemberita di Bengkel Pendigitalan Siemens di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Korporat Tenaga Nasional Berhad, Datuk Roslan Ab. Rahman.

Sementara itu, Lahiri berkata, antara fokus Siemens pada tahun ini adalah untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bersaing dengan syarikat-syarikat besar.

Menurutnya, sumbangan syarikat besar kepada pembangunan negara memang tidak dapat dinafikan namun sektor PKS juga harus diberi peluang untuk berkembang selari dengan trend dan perubahan teknologi masa kini.



INDRANIL LAHIRI

"Kami mahu membina potensi, mempertingkatkan prestasi dan fleksibiliti syarikat besar pada masa sama membantu PKS untuk mencapai potensi mereka menerusi kepakaran serta teknologi yang dimiliki.

"Sekiranya sektor ini diberi peluang saya percaya mereka mampu memberikan sumbangan yang signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada masa depan," katanya.

# D.B.E Poultry kembangkan jenama Harumi ke Thailand

**KUALA LUMPUR 23 Mei** - D.B.E Poultry Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh D.B.E Gurney Resources Bhd. menyasarkan membuka 50 buah restoran Harumi di Thailand, China, Taiwan dan Indonesia menjelang 2020.

Pengarah Urusan D.B.E Gurney Resources, Datuk Alex Ding Seng Huat berkata, pihaknya komited mengembangkan kehadiran Harumi di Thailand selepas berjaya memeterai perjanjian usaha sama dengan Farmmesh Foods Co. Ltd (Farmmesh) bagi menguruskan rangkaian restoran khidmat segera (QSR) jenama ayam goreng Harumi di negara tersebut.

Katanya, syarikat usaha sama (JVC) itu akan dinamakan sebagai Super Harumi Thailand dan D.B.E Poultry akan bertanggungjawab menyediakan khidmat rundingan serta latihan kepada JVC manakala Farmmesh pula akan mengendalikan strategi pengiklanan dan promosi serta bekalan bahan mentah.

"Kami komited mengembangkan kehadiran Harumi di Thailand selepas berjaya mempunyai rekod cemerlang sejak pelancaran cawangan pertama Harumi di Sitiawan, Perak pada 2016," katanya kepada pemberita pada majlis menandatangani perjanjian antara D.B.E Poultry dan Farmmesh di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Farmmesh, Krit Narmkerd.

Tambah Seng Huat, buat permulaan kedua-dua pihak menyasarkan untuk membuka dua buah restoran Harumi di Thailand pada tahun ini dan jumlahnya akan bertambah pada tahun-tahun akan datang.

"Kami memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi setiap cawangan," katanya.




RESTORAN Harumi Signature di IOI City Mall.

# Perolehan Malakoff susut kepada RM1.6 bilion

**KUALA LUMPUR 23 Mei** - Keuntungan bersih pengeluar tenaga bebas (IPP), Malakoff Corporation Bhd. merosot kepada RM67.37 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac 2018, berbanding RM115.41 juta dicatatkan dalam tempoh sama tahun lepas.

Malakoff berkata, perolehan bagi suku tahun tersebut turut susut 10 peratus, tahun ke tahun kepada RM1.6 bilion berbanding RM1.78 bilion sebelum ini.

"Prestasi tersebut disebabkan pembayaran kapasiti yang rendah daripada Segari Energy Ventures Sdn. Bhd. susulan pengurangan tarif di bawah Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) yang dilanjutkan dan berkuat kuasa 1 Julai, 2017.

"Pendapatan sesaham kumpulan turut merosot kepada 1.06 sen berbanding 1.98 sen sebelum ini," katanya dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia di sini hari ini.

Tambahnya, prospek Malakoff secara keseluruhan bagi 2018 kekal positif, sejajar dengan jangkaan kadar pertumbuhan sebanyak dua peratus setahun bagi permintaan tenaga negara.

Kumpulan itu menjangkakan untuk meraih manfaat daripada pemulihan loji tenaga Tanjung Bin Energy yang positif dan menerima pembayaran kapasiti yang normal dari suku tahun kedua 2018 dan seterusnya.

Ia juga akan meningkatkan usaha untuk memperluaskan kepada tenaga boleh diperbaharui sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40 peratus menjelang 2050.

# Wasiyyah Shoppe tawar diskaun 20% dokumen hibah

**KUALA LUMPUR 23 Mei** - Wasiyyah Shoppe Bhd. mengadakan promosi istimewa tawaran diskaun 20 peratus untuk penyediaan dokumen hibah hartanah iaitu perkhidmatan paling mendapat permintaan tinggi.

Promosi itu diadakan sempena bulan Ramadan dan kejayaan Wasiyyah Shoppe mendapat kelulusan sebagai syarikat amanah berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Affendy Nanyan berkata, umat Islam di Malaysia semakin sedar tentang kepentingan untuk membuat hibah ke atas hartanah terbukti dengan peningkatan dari tahun ke tahun.

"Wasiyyah Shoppe telah menyaksikan peningkatan yang ketara terhadap permintaan untuk perkhidmatan hibah hartanah iaitu purata 20 peratus dari tahun ke tahun sejak 2015 lagi.

"Pelanggan di seluruh Malaysia boleh mendapatkan tawaran diskaun ini melalui lebih daripada 1,500 perunding profesional Wasiyyah Shoppe antara 17 Mei hingga 30 Jun ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



AFFENDY NANYAN

Affendy memberitahu, Wasiyyah Shoppe merupakan penyedia dokumen hibah yang terbanyak di Malaysia dengan lebih 35,000 dokumen hibah telah disediakan setakat 31 Disember tahun lalu.

Katanya, lebih daripada 300 perintah pengesahan hibah dari Mahkamah Syariah seluruh Malaysia juga telah diperoleh semenjak 2004 yang mengesahkan keberkesanan perkhidmatannya.

"Hartanah merupakan antara harta pusaka yang paling sukar untuk diuruskan pewarisannya terutama jika melibatkan jumlah waris yang ramai.

"Jadi, hibah dapat membantu kerana pemilik hartanah ketika masih hidup boleh menentukan siapakah yang bakal memiliki hartanah terbabit," katanya.

# MSM kembali catat untung

**KUALA LUMPUR 23 Mei** - MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) mencatatkan keuntungan sebanyak RM15.81 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2018 berbanding kerugian bersih sebanyak RM34.62 juta pada suku yang sama 2017.

Pengarah Eksekutif MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, prestasi yang lebih baik pada suku semasa dibantu oleh penurunan kos bahan mentah dan pengukuhan kadar pertukaran mata wang asing.



KHAIRIL ANUAR

Jelas beliau, pengurangan perbelanjaan pentadbiran turut merangsang prestasi MSM dengan penurunan sebanyak 33 peratus kepada RM9.1 juta berbanding RM23.8 juta.

"Hasil berkurang 15.4 peratus berbanding suku sama pada tahun lepas. MSM terus mengukuhkan fokus operasi dengan merendahkan kos gula mentah sebanyak 23.1 peratus.

"Bagaimanapun, langkah berkenaan berdepan cabaran apabila berlaku kenaikan kos penapisan purata disebabkan perbelanjaan bahan bakar yang lebih tinggi hasil kenaikan tarif gas pada Januari," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Khairil, sepanjang tahun lalu MSM berusaha melaksanakan pengurusan kos berhemat untuk mengurangkan tekanan pada margin.

Menurutnya, keuntungan sebelum cukai (PBT) bagi suku tahun semasa sebanyak RM20.94 juta dianggap sebagai pencapaian yang baik kerana ia menunjukkan pemulihan yang mantap dan memperbaiki prestasi tahun lepas.

Katanya lagi, kilang penapisan di Johor yang dijadualkan beroperasi pada separuh tahun pertama 2018 akan terus menjadi perbelanjaan berhemat mengikut bajet dan selaras dengan garis masa yang ditetapkan.